

# SIARAN MEDIA

*Untuk Siaran Segera*



## **BANK ISLAM UMUM DIVIDEN TUNAI INTERIM 11 SEN SESAHAM**

**KUALA LUMPUR, Selasa, [3 Disember 2024]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Kumpulan) dengan suka citanya mengumumkan dividen tunai interim satu peringkat 11 sen sesaham biasa, berjumlah RM249.3 juta bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2024.

Tarikh kelayakan dividen berkenaan adalah pada 18 Disember 2024, manakala pembayaran akan dibuat pada 10 Januari 2025.

Bank Islam baru-baru ini mengumumkan keuntungan bersih sebanyak RM396.8 juta bagi tempoh sembilan bulan yang berakhir pada 30 September 2024. Pencapaian ini didorong oleh pendapatan bersih yang lebih tinggi serta pengurangan dalam elaun bersih untuk rosot nilai pembiayaan.

Jumlah aset Kumpulan berada pada RM93.8 bilion pada akhir September 2024 susulan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 6.5% yang didorong oleh pertumbuhan dalam sekuriti pelaburan dan pembiayaan.

---

### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com)

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my) untuk mendapatkan maklumat tambahan